

KEDUDUKAN EKSPORT DAN IMPORT KOMODITI PERIKANAN MALAYSIA, 2007

Jadual 1 : Eksport dan Import - Nilai dan Kuantiti, 2006 dan 2007
Table 1: Export and Import - Value and Quantity, 2006 and 2007

Eksport / Import Export/Import	2006	2007	Perubahan Change (%)
Eksport / Export			
Kuantiti (Tan Metrik) / Quantity (Tonnes)	270,774	318,403	+17.6
Nilai (RM Juta) / Value (RM Million)	2,365.9	2,610.0	+10.3
Import / Import			
Kuantiti (Tan Metrik) / Quantity (Tonnes)	435,616	438,898	+0.8
Nilai (RM Juta) / Value (RM Million)	2,148.5	2,236.3	+4.1
Imbangan Dagangan (BOT) Balance of Trade (BOT)	217.4	373.7	+71.9

1. Kuantiti eksport komoditi perikanan (Jadual 1) pada tahun 2007 adalah sebanyak 318,403 tan metrik iaitu meningkat sebanyak 17.6% dari 270,774 tan metrik pada tahun 2006. Jumlah nilai eksport komoditi perikanan pada tahun 2007 adalah sebanyak RM2,610.0 juta iaitu meningkat sebanyak 10.3% dari RM2,365.9 juta pada tahun sebelumnya. Kuantiti import komoditi perikanan pada tahun 2007 adalah sebanyak 438,898 tan metrik iaitu peningkatan sebanyak 0.8% dari 435,616 tan metrik pada tahun 2006. Jumlah nilai import komoditi perikanan pula pada tahun 2007 adalah sebanyak RM2,236.3 juta iaitu peningkatan sebanyak 4.1% dari RM2,148.5 juta pada tahun sebelumnya. Imbangan dagangan pada tahun 2007 telah mencatatkan lebihan dagangan sebanyak RM373.7 juta. Imbangan dagangan pada 2007 menunjukkan peningkatan yang positif sebanyak 71.9% berbanding dengan imbangan dagangan pada tahun 2006.

Jadual 2 : Eksport Utama Komoditi Perikanan, 2007
Table 2: Main Fishery Commodities - Export, 2007

Komoditi Perikanan Fishery Commodity	Kuantiti Eksport Export Quantity	Nilai Eksport Export Value	Harga Purata/ Tan Metrik Average Price/Tonne
	(%)	(%)	(RM)
Ikan Hiasan <i>Ornamental fish</i>	4.3	3.6	6,976
Ikan hidup <i>Live fish</i>	3.0	3.3	9,083
Ikan, segar atau sejuk dingin <i>Fish, fresh or chilled</i>	14.1	4.9	2,827
Filet ikan, segar atau sejuk dingin <i>Fish fillets, fresh or chilled</i>	0.4	0.3	5,149
Ikan, sejuk beku <i>Fish, frozen</i>	12.5	5.2	3,403
Filet ikan, sejuk beku <i>Fish fillets, frozen</i>	1.0	1.2	9,891
Lain-lain isi ikan (sama ada dikisar atau tidak) segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Other fish meat (whether or not minced) fresh, chilled or frozen</i>	4.4	3.1	5,888
Udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Shrimps, prawns, fresh, chilled or frozen</i>	18.5	40.9	18,126
Sotong dan lain-lain moluska, hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Squid, cuttlefish, octopus and other molluscs, live, fresh, chilled or frozen</i>	13.4	14.2	8,656
Ikan, sediaaan atau diawet, t.s.t.l. <i>Fish, prepared or preserved, n.e.s</i>	5.9	7.9	10,903
Krustasia dan moluska yang ditinkan <i>Canned crustaceans and molluscs</i>	1.1	2.4	17,446

2. Komoditi perikanan bernilai tinggi yang dieksport pada tahun 2007 terdiri daripada udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku; krustasia dan moluska yang ditinkan dan ikan, sediaan atau diawet, t.s.t.l. Komoditi-komoditi perikanan ini telah menyumbang sebanyak 51.2% kepada keseluruhan nilai eksport dan 25.5% kepada keseluruhan kuantiti eksport. Udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku merangkumi 18.5% daripada keseluruhan kuantiti eksport dengan harga purata RM18,126 se tan metrik. Ia menyumbang sebanyak 40.9% daripada jumlah nilai eksport komoditi perikanan pada tahun 2007.

Jadual 3 : Komposisi Eksport Komoditi Perikanan, 2006 dan 2007

Table 3 : Composition of Export of Fishery Commodities, 2006 and 2007

Komposisi Composition	Kuantiti Eksport (Tan Metrik) Export Quantity (Tonnes)		Perubahan Change (%)	Nilai Eksport Export Value (RM)		Perubahan Change (%)
	2006	2007		2006	2007	
Ikan Hiasan Ornamental fish	12,324.43	13,652.61	+10.8	81,929,140	95,235,015	+16.2
Ikan hidup Live fish	10,030.59	9,533.91	-5.0	94,961,613	86,600,516	-8.8
Ikan, segar atau sejuk dingin Fish, fresh or chilled	26,079.34	44,819.50	+71.9	92,051,550	126,717,877	+37.7
Filet ikan, segar atau sejuk dingin Fish fillets, fresh or chilled	491.88	1,352.52	+175.0	1,934,902	6,964,529	+259.9
Ikan, sejuk beku Fish, frozen	24,509.46	39,876.46	+62.7	78,843,823	135,698,891	+72.1
Filet ikan, sejuk beku Fish fillets, frozen	9,132.85	3,087.78	-66.2	54,797,148	30,540,788	-44.3
Lain-lain isi ikan (sama ada dikisar atau tidak) segar, sejuk dingin atau sejuk beku Other fish meat (whether or not minced) fresh, chilled or frozen	8,609.13	13,951.36	+62.1	56,378,898	82,144,635	+45.7
Udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku Shrimps, prawns, fresh, chilled or frozen	51,084.33	58,880.06	+15.3	968,062,958	1,067,278,814	+10.2

Komposisi Composition	Kuantiti Eksport (Tan Metrik) Export Quantity (Tonnes)		Perubahan Change (%)	Nilai Eksport Export Value (RM)		Perubahan Change (%)
	2006	2007		2006	2007	
Sotong dan lain-lain moluska, hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku Squid, cuttlefish, octopus and other molluscs, live, fresh, chilled or frozen	39,656.74	42,813.51	+8.0	318,068,341	370,584,656	+16.5
Ikan, sediaan atau diawet, t.s.t.l. Fish, prepared or preserved, n.e.s.	22,688.31	18,801.03	-17.1	236,917,563	204,991,502	-13.5
Krustasia, moluska dan lain-lain invertebrata akuatik, sediaan atau diawet, t.s.t.l. Crustaceans, molluscs and other aquatic invertebrates, prepared or preserved, n.e.s.	9,089.71	9,930.03	+9.2	159,545,138	167,469,527	+5.0
Tepung ikan yang tidak boleh dimakan Fish meal unfit for human consumption	27,574.56	33,791.50	+22.5	59,101,204	76,823,778	+30.0
Rampaian Miscellaneous	29,502.54	27,912.62	-5.4	163,325,586	158,925,831	-2.7
Jumlah / Total	270,773.86	318,402.90	+17.6	2,365,917,864	2,609,976,359	+10.3

3. Komposisi komoditi perikanan yang diurusniaga pada tahun 2007 adalah seperti dalam Jadual 3. Peningkatan kuantiti eksport filet ikan, segar atau sejuk dingin adalah tertinggi, meningkat sebanyak 175.0% dari 491.88 tan metrik pada tahun 2006 kepada 1,352.52 tan metrik pada tahun 2007. Kuantiti eksport filet ikan, sejuk

beku telah mencatatkan penurunan paling ketara pada 66.2% dari 9,132.85 tan metrik pada tahun 2006 kepada 3,087.78 tan metrik pada tahun 2007. Nilai eksport filet ikan, segar atau sejuk dingin mencatatkan kadar peningkatan yang paling tinggi iaitu 259.9% dari RM1.9 juta pada tahun 2006 ke RM7.0 juta pada tahun 2007. Dari segi nilai, filet ikan, sejuk beku menunjukkan penurunan paling ketara iaitu, 44.3% dari RM54.8 juta pada tahun 2006 ke RM30.5 pada tahun 2007.

Jadual 3A: Kenaikan Kuantiti dan Nilai Komposisi Komoditi Filet Ikan, Segar atau Sejuk Dingin Yang Dieksport, 2006 dan 2007

Table 3A : Increase in Quantity and Value for Export of Commodity Composition of Fish Fillets, Fresh or Chilled, 2006 and 2007

Negara Country	Kuantiti Eksport (Tan Metrik) Export Quantity (Tonnes)		% Meningkat Increase	Nilai Eksport (RM) Export Value (RM)		% Meningkat Increase
	2006	2007		2006	2007	
Itali Italy	0.00	293.00	100.0	0.00	2,087,877	100.0
Singapura Singapore	451.84	927.83	105.3	1,381,627	4,007,911	190.1
Lain-Lain Others	40.04	131.69	228.9	553,275	868,741	57.0
Jumlah / Total	491.88	1,352.52	175.0	1,934,902	6,964,529	259.9

3.1 Pada tahun 2007, komposisi komoditi filet ikan, segar atau sejuk dingin telah menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 175.0% dari segi kuantiti eksport dan 259.9% dari segi nilai eksport berbanding dengan tahun 2006 (Jadual 3). Peningkatan dari segi kuantiti dan nilai disumbangkan oleh dua (2) negara utama iaitu Singapura 927.83 tan metrik (RM4.0 juta) dan Itali 293.0 tan metrik (RM2.1 juta). Kedua-dua negara ini telah menyumbang 90.3% kepada keseluruhan kuantiti eksport dan 87.5% kepada keseluruhan nilai eksport filet ikan, segar atau sejuk dingin untuk tahun 2007.

Jadual 3B : Penurunan Kuantiti dan Nilai Komposisi Komoditi Filet Ikan, Sejuk Beku Yang Dieksport, 2006 dan 2007

Table 3B : Decrease in Quantity and Value for Export of Commodity Composition of Fish Fillets, Frozen, 2006 and 2007

Negara Country	Kuantiti Eksport (Tan Metrik) Export Quantity (Tonnes)		Perubahan Change %	Nilai Eksport Export Value (RM)		Perubahan Change %
	2006	2007		2006	2007	
Amerika Syarikat U.S.A.	6,705.49	811.06	-87.9	41,795,113	8,796,781	-79.0
Jepun Japan	1,242.65	126.22	-89.2	5,617,235	1,328,640	-76.3
Lain-Lain Others	1,184.71	2,150.50	+81.5	7,384,800	20,415,367	+176.5
Jumlah Total	9,132.85	3,087.78	-66.2	54,797,148	30,540,788	-44.3

3.2 Pada tahun 2007, komposisi komoditi filet ikan, sejuk beku telah menunjukkan penurunan ketara sebanyak 66.2% dari segi kuantiti eksport dan juga 44.3% dari segi nilai eksport berbanding dengan tahun 2006 (Jadual 3). Penurunan dari segi kuantiti disebabkan oleh penurunan yang ditunjukkan dalam dua (2) negara iaitu Amerika Syarikat sebanyak 87.9% (811.06 tan metrik) dan Jepun sebanyak 89.2% (126.22 tan metrik) berbanding dengan tahun 2006. Dari segi nilai, Amerika Syarikat dan Jepun juga telah masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 79.0% (RM8.8 juta) dan 76.3% (RM 1.3 juta). Penurunan ini mungkin disebabkan oleh krisis kewangan yang berlaku diseluruh dunia yang bermula dari pertengahan tahun 2007.

Jadual 4 : Kuantiti Eksport Komoditi Perikanan ke Pelbagai Negara, 2006 dan 2007
Table 4 : Export Quantity of Fishery Commodities to Various Countries, 2006 and 2007

Negara Country	2006		2007		Perubahan Change (%)
	Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Peratus Percent (%)	Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Peratus Percent (%)	
Singapura / Singapore	49,397	18.2	52,128	16.4	+5.5
Indonesia	17,988	6.6	41,519	13.0	+130.8
Thailand	29,339	10.8	39,673	12.5	+35.2
China	26,411	9.8	39,466	12.4	+49.4
Amerika Syarikat / U.S.A	34,282	12.7	32,922	10.3	-4.0
Itali / Italy	19,841	7.3	19,576	6.1	-1.3
Jepun / Japan	15,788	5.8	14,678	4.6	-7.0
Taiwan	10,076	3.7	9,755	3.1	-3.2
Australia	6,441	2.4	7,424	2.3	+15.3
Lain-Lain / Others	61,211	22.7	61,262	19.3	+0.1
Jumlah / Total	270,774	100.0	318,403	100.0	+17.6

4. Pada tahun 2007, kuantiti komoditi perikanan yang dieksport ke sembilan (9) negara utama adalah Singapura 52,128 tan metrik (16.4%), Indonesia 41,519 tan metrik (13.0%), Thailand 39,673 tan metrik (12.5%), China 39,466 tan metrik (12.4%), Amerika Syarikat 32,922 tan metrik (10.3%), Itali 19,576 tan metrik (6.1%), Jepun 14,678 tan metrik (4.6%), Taiwan 9,755 tan metrik (3.1%) dan Australia 7,424 tan metrik (2.3%). Selebihnya sebanyak 61,262 tan metrik (19.3%) telah dieksport ke negara-negara lain. Di antara negara yang tersebut diatas, terdapat lima (5) negara yang menunjukkan peningkatan positif dari segi peratus kuantiti iaitu Indonesia (130.8%), China (49.4%), Thailand (35.2%), Australia (15.3%) dan Singapura (5.5%), manakala empat (4) negara lain menunjukkan penurunan iaitu Jepun (7.0%), Amerika Syarikat (4.0%), Taiwan (3.2%) dan Itali (1.3%).

Jadual 5 : Nilai Eksport Komoditi Perikanan ke Pelbagai Negara, 2006 dan 2007
Table 5 : Export Value of Fishery Commodities to Various Countries, 2006 and 2007

Negara Country	2006		2007		Perubahan Change (%)
	Nilai (RM juta) Value (RM Million)	Peratus Percent (%)	Nilai(RM juta Value (RM Million)	Peratus Percent (%)	
Amerika Syarikat / U.S.A	582.1	24.6	634.6	24.3	+9.0
Singapura / Singapore	304.6	12.9	345.3	13.2	+13.4
Itali / Italy	248.0	10.5	237.8	9.1	-4.1
Jepun / Japan	227.6	9.6	188.1	7.2	-17.3
China	128.8	5.4	160.5	6.1	+24.6
Australia	94.7	4.0	126.1	4.8	+33.1
Hong Kong	106.8	4.5	107.2	4.1	+0.4
Perancis / France	96.8	4.1	100.7	3.9	+4.0
Indonesia	43.2	1.8	99.8	3.8	+131.0
Lain-Lain / Others	533.3	22.6	609.9	23.5	+14.4
Jumlah / Total	2,365.9	100.0	2,610.0	100.0	+10.3

5. Dari segi nilai eksport (Jadual 5) pada tahun 2007, Amerika Syarikat telah kekal kedudukan sebagai pengimport utama komoditi perikanan Malaysia dengan nilai sebanyak RM634.6 juta (24.3%) diikuti oleh Singapura sebanyak RM345.3 juta (13.2%), Itali sebanyak RM237.8 juta (9.1%), Jepun sebanyak RM188.1 juta (7.2%), China sebanyak RM160.5 juta (6.1%), Australia sebanyak RM126.1 juta (4.8%), Hong Kong sebanyak RM107.2 juta (4.1%), Perancis sebanyak RM100.7 juta (3.9%) dan Indonesia sebanyak RM99.8 juta (3.8%). Selebihnya sebanyak RM609.9 juta (23.5%) pula dieksport ke negara-negara lain. Di antara negara tersebut, terdapat tujuh (7) negara yang menyumbangkan perubahan yang positif berbanding tahun 2006 iaitu Indonesia (131.0%), Australia (33.1%), China (24.6%), Singapura (13.4%), Amerika Syarikat (9.0%), Perancis (4.0%) dan Hong Kong (0.4%) manakala dua (2) negara lain iaitu Jepun (17.3%) dan Itali (4.1%) menunjukkan perubahan negatif dari segi peratusan berbanding tahun 2006.

Jadual 5A : Komposisi Nilai Eksport Komoditi Perikanan Utama Mengikut Negara Terpilih, 2006 dan 2007

Table 5A :Export Value of Main Fishery Commodity Compositions By Selected Country, 2006 and 2007

Negara Country	S.I.T.C. Kod Komoditi Commodity Code	Komposisi Komoditi Commodity Composition	Nilai Eksport Export Value RM		% Meningkat/Menurun Increase/Decrease
			2006	2007	
Indonesia	034180010	Ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, segar atau sejuk dingin Marine fish, excluding livers and roes, fresh or chilled	5,393,074	27,667,052	+413.0
	034260000	Ikan mackerel, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku Mackerel, excluding liver and roes, frozen	128,410	2,105,147	+1,539.4
	034280010	Ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku Marine fish, excluding livers and roes, frozen	2,060,125	12,670,057	+515.0
	Jumlah Total		7,581,609	42,442,256	+459.8

Negara Country	S.I.T.C. Kod Komoditi Commodity Code	Komposisi Komoditi Commodity Composition	Nilai Eksport Export Value RM		% Meningkat/Menurun Increase/Decrease
			2006	2007	
Australia	036110000	Udang, untuk dimakan, sejuk beku Shrimps and prawns, fit for human consumption, frozen	9,916,186	22,907,280	+131.0
	037159990	Lain-lain ikan dalam bentuk seekor atau berkeping-keping, tetapi tidak dikisar, selain yang ditinkan Other fish, whole or in pieces, but not minced, other than in airtight containers	34,100,547	45,968,773	+34.8
	037220290	Sotong selain ditinkan, sediaan atau diawet Cuttlefish, other than in airtight containers, prepared or preserved	17,541,193	24,856,770	+41.7
	Jumlah Total		61,557,926	93,732,823	+52.3
Jepun Japan	036193000	Ketam, sejuk beku Crabs, frozen	6,744,213	890,262	-86.8
	036203910	Udang, selain dengan kulit, segar atau sejuk dingin Shrimps and prawn, o/t in shell, fresh or chilled	13,188,280	108,279	-99.2
	037160920	Pes ikan dan sediaan serupa Fish paste and similar preparations	8,364,623	832,491	-90.0
	Jumlah Total		28,297,116	1,831,032	-93.5

5.1 Komposisi komoditi utama yang dieksport ke dua (2) negara iaitu Indonesia dan Australia yang menyumbang perubahan positif dari segi nilai berbanding dengan tahun 2006 adalah seperti di Jadual 5A.

5.2 Tiga (3) komposisi komoditi utama yang dieksport ke Indonesia adalah *ikan marin tidak termasuk hati dan telur, segar atau sejuk dingin* (RM27.7 juta); *ikan mackerel, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku* (RM2.1 juta) dan *ikan marin tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku* (RM12.7 juta) masing-masing telah menunjukkan peningkatan sebanyak 413.0%, 1,539.4% dan 515.0%. Ketiga-tiga komposisi komoditi ini telah menyumbang 42.5% (RM42.4 juta) kepada jumlah keseluruhan nilai eksport ke Indonesia (RM99.8 juta).

5.3 Bagi negara Australia pula, tiga komposisi komoditi utama dengan nilai eksportnya adalah *udang, untuk dimakan, sejuk beku* (RM22.9 juta); *lain-lain ikan dalam bentuk seekor atau berkeping-keping, tetapi tidak dikisar, selain yang ditinkan* (RM46.0 juta) dan *sotong selain ditinkan, sediaan atau diawet* (RM24.9 juta) telah masing-masing menunjukkan peningkatan dari segi nilai sebanyak 131.0%, 34.8% dan 41.7% berbanding dengan tahun 2006. Jumlah nilai ketiga-tiga komposisi komoditi utama ini adalah RM93.7 juta dan telah menyumbang 74.3% kepada jumlah keseluruhan nilai eksport ke negara Australia (RM126.1 juta).

5.4 Dari segi nilai eksport komoditi perikanan, negara Jepun telah menyumbang kepada perubahan negatif paling ketara berbanding dengan tahun 2006. (Jadual 5). Pada tahun 2007, negara Jepun telah mengurangkan import komposisi komoditi *ketam, sejuk beku* (RM0.9 juta); *udang selain dengan kulit, segar atau sejuk dingin* (RM0.1 juta) dan *pes ikan & sediaan serupa* (RM0.8 juta) yang masing-masing menunjukkan peratus perubahan negatif dari segi nilai, iaitu 86.8%, 99.2% dan 90.0%. Ketiga-tiga komposisi komoditi utama ini hanya menyumbang 1.0% kepada jumlah keseluruhan nilai eksport ke negara Jepun (RM188.1 juta).

Jadual 6 : Komposisi Eksport dan Import Komoditi Perikanan, 2007
Table 6 : Composition of Export and Import Fishery Commodities, 2007

Komposisi Composition	Eksport Export		Harga Purata Average Price (RM)	Import Import		Harga Purata Average Price (RM)
	Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Nilai Value (RM)		Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Nilai Value (RM)	
Ikan Hiasan <i>Ornamental fish</i>	13,652.61	95,235,015	6,976	2,965.24	37,724,807	12,722
Ikan hidup <i>Live fish</i>	9,533.91	86,600,516	9,083	1,955.09	25,385,366	12,984
Ikan, segar atau sejuk dingin <i>Fish, fresh or chilled</i>	44,819.50	126,717,877	2,827	175,915.44	400,736,607	2,278
Filet ikan, segar atau sejuk dingin <i>Fish fillets, fresh or chilled</i>	1,352.52	6,964,529	5,149	2,587.49	14,434,137	5,578
Ikan, sejuk beku <i>Fish, frozen</i>	39,876.46	135,698,891	3,403	107,973.87	497,663,715	4,609
Filet ikan, sejuk beku <i>Fish fillets, frozen</i>	3,087.78	30,540,788	9,891	16,766.82	148,393,868	8,850
Lain-lain isi ikan (sama ada dikisar atau tidak), segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Other fish meat (whether or not minced) fresh, chilled or frozen</i>	13,951.36	82,144,635	5,888	6,532.28	55,715,442	8,529
Udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Shrimps, prawns, fresh, chilled or frozen</i>	58,880.06	1,067,278,814	18,126	28,659.42	482,494,449	16,835

Komposisi Composition	Eksport Export		Harga Purata Average Price (RM)	Import Import		Harga Purata Average Price (RM)
	Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Nilai Value (RM)		Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Nilai Value (RM)	
Sotong dan lain-lain moluska, hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Squid, cuttlefish, octopus and other molluscs, live, fresh, chilled or frozen</i>	42,813.51	370,584,656	8,656	11,571.11	75,967,679	6,565
Ikan, sediaan atau diawet, t.s.t.l. <i>Fish, prepared or preserved, n.e.s</i>	18,801.03	204,991,502	10,903	23,957.53	154,836,094	6,463
Krustasia, moluska dan lain-lain invertebrata akuatik, sediaan atau diawet, t.s.t.l. <i>Crustaceans, molluscs and other aquatic invertebrates, prepared or preserved, n.e.s</i>	9,930.03	167,469,527	16,865	2,943.94	40,343,084	13,704
Tepung ikan yang tidak boleh dimakan <i>Fish meal unfit for human consumption</i>	33,791.50	76,823,778	2,273	18,806.37	42,246,812	2,246
Rampaian <i>Miscellaneous</i>	27,912.62	158,925,831	5,694	38,263.75	260,335,604	6,804

6. Pada tahun 2007, udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku adalah komoditi utama bernilai tinggi yang dieksport dengan harga purata RM18,126 se tan metrik dan harga purata import adalah lebih rendah iaitu RM16,835 se tan metrik. Ikan segar atau sejuk dingin adalah komoditi perikanan bernilai rendah yang telah diimport dengan harga purata RM2,278. Komoditi yang sama telah dieksport dengan harga purata RM2,827 se tan metrik.

Jadual 7 : Import Utama Komoditi Perikanan, 2007

Table 7 : Main Fishery Commodities – Import, 2007

Komoditi Perikanan Fishery Commodity	Kuantiti Import Import Quantity (%)	Nilai Import Import Value (%)	Harga Purata/ Tan Metrik Average Price/Tonne (RM)
Ikan, segar atau sejuk dingin Fish, fresh or chilled	40.1	17.9	2,278
Filet ikan, segar atau sejuk dingin Fish fillets, fresh or chilled	0.6	0.6	5,578
Ikan, sejuk beku Fish, frozen	24.6	22.3	4,609
Filet ikan, sejuk beku Fish fillets, fresh or chilled	3.8	6.6	8,850
Lain-lain isi ikan (sama ada dikisar atau tidak), segar, sejuk dingin atau sejuk beku Other fish meat (whether or not minced) fresh, chilled or frozen	1.5	2.5	8,529
Udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku Shrimps, prawns, fresh, chilled or frozen	6.5	21.6	16,835
Ikan, sediaan atau diawet, t.s.t.l. Fish, prepared or preserved, n.e.s.	5.5	6.9	6,463
Sotong dan lain-lain moluska, hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku Squid, cuttlefish, octopus and other molluscs, live, fresh, chilled or frozen	2.6	3.4	6,565

7. Pada tahun 2007, tiga (3) komoditi iaitu ikan, segar atau sejuk dingin; ikan, sejuk beku dan udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku telah menyumbang sebanyak 71.2% dan 61.8% masing-masing kepada keseluruhan kuantiti dan nilai import komoditi perikanan. Ikan, segar atau sejuk dingin merangkumi 40.1% daripada keseluruhan kuantiti import dengan harga purata rendah iaitu RM2,278 bagi se tan metrik dan telah menyumbang sebanyak 17.9% daripada jumlah nilai import komoditi perikanan pada tahun 2007. Udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku telah mencatatkan harga purata yang tinggi sebanyak RM16,835 se tan metrik, walaupun ia hanya menyumbang sebanyak 6.5% dan 21.6% masing-masing kepada keseluruhan kuantiti dan nilai import.

Jadual 8 : Komposisi Import Komoditi Perikanan 2006 dan 2007
Table 8 : Composition of Import of Fishery Commodities, 2006 and 2007

Komposisi Composition	Kuantiti Import (Tan Metrik) Import Quantity(Tonnes)		Perubahan Change (%)	Nilai Import Import Value (RM)		Perubahan Change (%)
	2006	2007		2006	2007	
Ikan Hiasan <i>Ornamental fish</i>	2,435.27	2,965.24	+21.8	33,216,605	37,724,807	+13.6
Ikan hidup <i>Live fish</i>	1,125.53	1,955.09	+73.7	24,037,818	25,385,366	+5.6
Ikan, segar atau sejuk dingin <i>Fish, fresh or chilled</i>	177,462.19	175,915.44	-0.9	375,894,745	400,736,607	+6.6
Filet ikan, segar atau sejuk dingin <i>Fish fillets, fresh or chilled</i>	1,060.37	2,587.49	+144.0	5,348,775	14,434,137	+169.9
Ikan, sejuk beku <i>Fish, frozen</i>	109,792.71	107,973.87	-1.7	520,804,184	497,663,715	-4.4
Filet Ikan, sejuk beku <i>Fish fillets, frozen</i>	17,554.07	16,766.82	-4.5	154,418,826	148,393,868	-3.9
Lain-lain isi ikan (sama ada dikisar atau tidak), segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Other fish meat (whether or not minced) fresh, chilled or frozen</i>	4,628.55	6,532.28	+41.1	40,611,004	55,715,442	+37.2
Udang, segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Shrimps, prawns, fresh, chilled or frozen</i>	26,097.27	28,659.42	+9.8	423,021,438	482,494,449	+14.1
Sotong dan lain-lain moluska, hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku <i>Squid, cuttlefish, octopus and other molluscs, live, fresh, chilled or frozen</i>	13,891.44	11,571.11	-16.7	62,470,280	75,967,679	+21.6

Komposisi Composition	Kuantiti Import (Tan Metrik) Import Quantity(Tonnes)		Perubahan Change (%)	Nilai Import Import Value (RM)		Perubahan Change (%)
	2006	2007		2006	2007	
Ikan, sediaan atau diawet, t.s.t.l. <i>Fish, prepared or preserved, n.e.s.</i>	23,857.42	23,957.53	+0.4	149,452,253	154,836,094	+3.6
Krustasia, moluska dan lain-lain invertebrata akuatik, sediaan atau diawet, t.s.t.l. <i>Crustaceans, molluscs and other aquatic invertebrates, prepared or preserved, n.e.s.</i>	2,385.45	2,943.94	+23.4	33,756,680	40,343,084	+19.5
Tepung ikan yang tidak boleh dimakan <i>Fish meal unfit for human consumption</i>	12,980.41	18,806.37	+44.9	40,431,974	42,246,812	+4.5
Rampaian <i>Miscellaneous</i>	42,345.59	38,263.75	-9.6	285,056,852	260,335,604	-8.7
Jumlah/ Total	435,616.27	438,898.35	+0.8	2,148,521,434	2,236,277,664	+4.1

8.1 Pada tahun 2007, filet ikan, segar atau sejuk dingin menunjukkan peningkatan 144.0% dari segi kuantiti import dan juga 169.9% dari segi nilai import berbanding dengan tahun 2006. Kuantiti import meningkat dari 1,060.37 tan metrik pada tahun 2006 ke 2,587.49 tan metrik pada tahun 2007. Nilai import juga meningkat dari RM5.3 juta pada tahun 2006 ke RM14.4 juta pada tahun 2007.

8.2 Peningkatan kuantiti import ikan hidup yang merangkumi benih ikan dan induk ikan untuk pembenihan serta ikan untuk dimakan juga adalah ketara, meningkat 73.7% dari 1,125.53 tan metrik pada tahun 2006 ke 1,955.09 tan metrik pada tahun 2007. Dari segi nilai import, peningkatan hanya 5.6% dari RM24.0 juta pada tahun 2006 ke RM25.4 juta pada tahun

2007. Didapati 70.0% daripada kuantiti ikan hidup (Lampiran A) yang diimport adalah induk ikan dan benih ikan untuk industri akuakultur.

8.3 Pada tahun 2007, tepung ikan yang tidak boleh dimakan menunjukkan peningkatan 44.9% dari segi kuantiti import manakala dari segi nilai hanya menunjukkan peningkatan 4.5% berbanding dengan tahun 2006. Harga purata bagi pengimportan tepung ikan yang tidak boleh dimakan adalah lebih rendah iaitu RM2,246 berbanding dengan harga purata pada tahun 2006 iaitu RM3,115 se tan metrik. Kebanyakan tepung ikan yang tidak boleh dimakan diimport dari Taiwan, Pakistan dan Myanmar (Lampiran B).

8.4 Kuantiti import sotong dan lain-lain moluska, hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku telah mencatatkan penurunan paling ketara sebanyak 16.7% dari 13,891.44 tan metrik pada tahun 2006 ke 11,571.11 tan metrik pada tahun 2007. Walaubagaimana pun, nilai import sotong dan lain-lain moluska, hidup, segar, sejuk dingin atau sejuk beku mencatatkan peningkatan 21.6% dari RM62.5 juta pada tahun 2006 ke RM76.0 juta pada tahun 2007. Komoditi rampaian juga menunjukkan penurunan 9.6% dari segi kuantiti iaitu dari 42,345.59 tan metrik pada tahun 2006 dan 38,263.75 tan metrik pada tahun 2007 dan juga dari nilai import iaitu 8.7% dari RM285.1 juta ke RM260.3 juta.

Jadual 9 : Kuantiti Import Komoditi Perikanan dari Pelbagai Negara, 2006 dan 2007
Table 9 : Quantity of Import of Fishery Commodities from Various Countries, 2006 and 2007.

Negara Country	2006		2007		Perubahan Change (%)
	Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Peratus Percent (%)	Kuantiti (Tan Metrik) Quantity (Tonnes)	Peratus Percent (%)	
Thailand	210,171	48.2	202,006	46.0	-3.9
Indonesia	43,102	9.9	55,420	12.6	+28.6
China	58,336	13.4	52,154	11.9	-10.6
Vietnam	16,990	3.9	16,435	3.7	-3.3
Myanmar	16,250	3.7	15,821	3.6	-2.6
Pakistan	12,224	2.8	15,407	3.5	+26.0
Taiwan	7,719	1.8	11,526	2.6	+49.3
India	13,419	3.1	10,789	2.5	-19.6
Amerika Syarikat United States of America	9,992	2.3	9,351	2.1	-6.4
Lain-Lain Others	47,413	10.9	49,989	11.4	+5.4
Jumlah / Total	435,616	100.0	438,898	100.0	+0.8

9. Pada tahun 2007, kuantiti komoditi perikanan diimport dari sembilan (9) negara utama iaitu Thailand 202,006 tan metrik (46.0%), Indonesia 55,420 tan metrik (12.6%), China 52,154 tan metrik (11.9%), Vietnam 16,435 tan metrik (3.7%), Myanmar 15,821 tan metrik (3.6%), Pakistan 15,407 tan metrik (3.5%), Taiwan 11,526 tan metrik (2.6%), India 10,789 tan metrik (2.5%) dan Amerika Syarikat 9,351 tan metrik (2.1%). Selebihnya sebanyak 49,989 tan metrik (11.4%) pula diimport dari negara-negara lain. Di antara negara tersebut, tiga (3) negara yang menunjukkan peningkatan dari segi peratus kuantiti import iaitu Taiwan (49.3%), Indonesia (28.6%) dan Pakistan (26.0%) manakala enam (6)

negara menunjukkan penurunan iaitu India (19.6%), China (10.6%), Amerika Syarikat (6.4%), Thailand (3.9%), Vietnam (3.3%) dan Myanmar (2.6%).

Jadual 9A : Kuantiti dan Nilai Import Komoditi Perikanan Utama daripada Negara Thailand, 2006 dan 2007

Table 9A : Import Quantity and Value of Main Fishery Commodity from Thailand, 2006 and 2007

S.I.T.C. Kod Komoditi Commodity Code	Komoditi Perikanan Fishery Commodity	Kuantiti Import (Tan Metrik) Import Quantity (Tonnes)		% Menurun Decrease	Nilai Import (RM) Import Value (RM)		% Peningkatan /Penurunan Increase/ Decrease
		2006	2007		2006	2007	
034180010	Ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, segar atau sejuk dingin Marine fish, excluding livers and roes, fresh or chilled	148,042.81	141,747.42	-4.3	184,844,701	171,256,911	-7.4
035130010	Lain-lain sirip ikan yu, ikan bilis/ pelampung ikan selain dari ikan marin Other sharks' fins, ikan bilis/fish maws/ o/t marine fish	16,982.14	14,600.37	-14.0	46,559,318	40,403,558	-13.2
034280010	Ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku Marine fish, excluding livers and roes, frozen	14,842.03	14,155.00	-4.6	19,248,233	28,148,579	+46.2
	Jumlah Total	179,866.98	170,502.79	-5.2	250,652,252	239,809,048	-4.3

9.1 Komposisi komoditi perikanan utama yang diimport dari Thailand adalah *ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, segar atau sejuk dingin* 141,747.42 tan metrik; *lain-lain sirip ikan yu, ikan bilis/pelampung ikan selain dari ikan marin* 14,600.37 tan metrik dan *ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku* 14,155.00 tan metrik. Jumlah kuantiti import bagi ketiga-tiga komposisi komoditi utama yang tersebut diatas adalah 170,502.79 tan metrik dan ianya menyumbang 84.4% kepada jumlah keseluruhan kuantiti import dari negara Thailand (202,005.94 tan metrik). Walaubagaimanapun, kuantiti import bagi tiga (3) komposisi komoditi utama yang tersebut diatas telah menunjukkan penurunan dari segi peratus sebanyak 4.3%, 14.0% dan 4.6% masing-masing berbanding dengan pengimportan bagi tahun 2006.

9.2 Pada tahun 2007, nilai import bagi ketiga-tiga komposisi komoditi perikanan utama dari Thailand adalah RM171.3 juta untuk *ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, segar atau sejuk dingin*; RM40.4 juta untuk *lain-lain sirip ikan yu, ikan bilis/pelampung ikan selain dari ikan marin* dan RM28.1 juta untuk *ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku*. Jumlah keseluruhan nilai import bagi ketiga-tiga komposisi komoditi utama dari negara Thailand adalah RM239.8 juta dan ianya menyumbang 55.1% kepada jumlah keseluruhan nilai import dari negara Thailand (RM435.5 juta).

9.3 Berbanding dengan tahun 2006, nilai import komposisi komoditi tersebut telah menunjukkan penurunan dari segi peratus sebanyak 7.4% untuk *ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, segar atau sejuk dingin* dan 13.2% untuk *lain-lain sirip ikan yu, ikan bilis/pelampung ikan selain dari ikan marin* dan meningkat 46.2% untuk *ikan marin, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku*.

Jadual 10 : Nilai Import Komoditi Perikanan dari Pelbagai Negara, 2006 dan 2007
Table 10 : Import Value of Fishery Commodities from Various Countries, 2006 and 2007

Negara Country	2006		2007		Perubahan Change (%)
	Nilai (RM Juta) Value (RM million)	Peratus Percent (%)	Nilai (RM Juta) Value (RM million)	Peratus Percent (%)	
China	472.0	22.0	477.5	21.4	+1.2
Thailand	441.8	20.6	435.5	19.5	-1.4
Indonesia	249.1	11.6	339.2	15.2	+36.2
Vietnam	178.4	8.3	187.3	8.4	+5.0
Myanmar	118.5	5.5	110.2	4.9	-7.0
India	120.2	5.6	106.3	4.8	-11.6
Amerika Syarikat/ U.S.A.	51.2	2.4	66.2	3.0	+29.3
Taiwan	58.1	2.7	56.6	2.5	-2.6
Pakistan	46.1	2.1	45.8	2.0	-0.7
Lain-Lain/Others	413.1	19.2	411.7	18.4	-0.3
Jumlah / Total	2,148.5	100.0	2,236.3	100.0	+4.1

10. Dari segi nilai, China merupakan negara utama mengeksport komoditi perikanan ke Malaysia dengan peratusan sebanyak 21.4% diikuti oleh Thailand (19.5%), Indonesia (15.2%), Vietnam (8.4%), Myanmar (4.9%), India (4.8%), Amerika Syarikat (3.0%), Taiwan (2.5%) dan Pakistan (2.0%). Selebihnya sebanyak 18.4% pula diimport dari negara-negara lain. Empat (4) negara telah menunjukkan peningkatan dari segi peratusan berbanding dengan tahun 2006 adalah Indonesia (36.2%), Amerika Syarikat (29.3%), Vietnam (5.0%) dan China (1.2%) manakala lima (5) negara lagi iaitu India (11.6%), Myanmar (7.0%), Taiwan (2.6%), Thailand (1.4%) dan Pakistan (0.7%) menunjukkan penurunan berbanding dengan tahun 2006.

Jadual 10A : Kuantiti dan Nilai Import Komoditi Perikanan Utama daripada Negara China, 2006 dan 2007

Table 10A : Import Quantity and Value of Main Fishery Commodity from China, 2006 and 2007

S.I.T.C. Kod Komoditi Commodity Code	Komoditi Perikanan Fishery Commodity	Kuantiti Import (Tan Metrik) Import Quantity (Tonnes)		% Peningkatan /Penurunan Increase / Decrease	Nilai Import (RM) Import Value (RM)		% Peningkatan /Penurunan Increase/ Decrease
		2006	2007		2006	2007	
036110000	Udang yang boleh dimakan, sejuk beku Shrimps and prawns, fit for human consumption, frozen	10,383.69	13,329.21	+28.4	214,276,924	243,162,179	+13.5
034260000	Ikan mackerel, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku Mackerel, excluding livers and roes, frozen	9,066.63	9,932.16	+9.5	36,635,050	47,521,733	+29.7
034289000	Lain-lain ikan, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku Other fish, excluding livers and roes, frozen	15,061.49	7,065.59	-53.1	64,484,930	36,187,407	-43.9
037122110	Ikan sardin, dalam bentuk seekor atau berkeping-keping, tetapi tidak dikisar dan ditinkan Sardines, whole or in pieces, but not minced, in airtight containers	4,383.03	3,792.22	-13.5	20,177,244	17,783,019	-11.9
034400100	Filet ikan, sejuk beku Frozen fillets	1,846.91	2,781.68	+50.6	17,511,926	29,856,005	+70.5
036371100	Sotong katak dan sotong biasa, sejuk beku Cuttlefish and squid, frozen	2,878.22	2,653.37	-7.8	19,170,024	19,741,564	+3.0
292961000	Agar-Agar Agar-Agar	524.20	483.51	-7.8	19,901,773	14,790,189	-25.7
	Jumlah Total	44,144.17	40,037.74	-9.3	392,157,871	409,042,096	+4.3

- 10.1 Komposisi komoditi perikanan utama yang diimport dari negara China seperti di Jadual 10A adalah *udang yang boleh dimakan, sejuk beku*, 13,329.21 tan metrik; *ikan mackerel, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku*, 9,932.16 tan metrik; *lain-lain ikan, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku*, 7,065.59 tan metrik; *ikan sardin, dalam bentuk seekor atau berkeping-keping, tetapi tidak dikisar dan ditinkan*, 3,792.22 tan metrik; *filet ikan sejuk beku*, 2,781.68 tan metrik; *sotong katak dan sotong biasa, sejuk beku*, 2,653.37 tan metrik dan *agar-agar* 483.51 tan metrik. Jumlah kuantiti import bagi komposisi komoditi yang tersebut diatas adalah 40,037.74 tan metrik dan ianya menyumbang 76.8% kepada jumlah keseluruhan kuantiti import dari negara China (52,154.46 tan metrik). Berbanding dengan kuantiti import bagi tahun 2006, komoditi *filet ikan, sejuk beku* telah menunjukkan peningkatan yang paling ketara dari segi peratus sebanyak 50.6% manakala komoditi *ikan lain tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku*, telah menunjukkan penurunan dari segi peratus yang ketara sebanyak 53.1%.
- 10.2 Pada tahun 2007, nilai import bagi komposisi komoditi perikanan dari negara China (Jadual 10A) adalah RM243.2 juta untuk *udang yang boleh dimakan, sejuk beku*; RM47.5 juta untuk *ikan mackerel, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku*; RM36.2 juta untuk *lain-lain ikan, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku*; RM17.8 juta untuk *ikan sardin, dalam bentuk seekor atau berkeping-keping, tetapi tidak dikisar dan ditinkan*; RM29.9 juta untuk *filet ikan, sejuk beku*; RM19.7 juta untuk *sotong katak dan sotong biasa, sejuk beku* dan RM14.8 juta untuk *agar-agar*. Jumlah keseluruhan nilai import bagi komposisi komoditi perikanan yang tersebut diatas adalah RM409.0 juta dan ianya menyumbang 85.7% kepada jumlah keseluruhan nilai import dari negara China (RM477.4 juta).
- 10.3 Berbanding dengan tahun 2006, nilai komoditi *filet ikan, sejuk beku* yang diimport dari negara China telah menunjukkan peningkatan yang paling ketara dari segi peratus nilai sebanyak 70.5% manakala nilai komoditi *lain-lain ikan, tidak termasuk hati dan telur, sejuk beku yang diimport dari negara China* telah menunjukkan penurunan dari segi peratus nilai yang ketara sebanyak 43.9%.